

**TEKS UCAPAN ALUAN
YANG BERBAHAGIA
PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN
KARNIVAL SUKAN MAHASISWA
(KARISMA) XXVIII 2023**

DAN

**PELANCARAN
SPORTS CHAMPIONSHIP
MANAGEMENT SYSTEM (SCMS)**

**DEWAN BESAR
UiTM CAWANGAN PULAU PINANG
KAMPUS PERMATANG PAUH**

21 SEPTEMBER 2023 | KHAMIS | 9.00 MALAM

Terima kasih pengerusi majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

[SALUTASI - KEMAS KINI BERDASARKAN KEHADIRAN]

Yang Berbahagia Dato' Seri Abdul Razak Jaafar

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Tinggi

Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

UiTM

Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali

Rektor, UiTM Cawangan Pulau Pinang

Yang Berusaha Encik Ahmad Tarmizy Mohammed

Pengarah Pusat Sukan UiTM

- Yang Berusaha Rektor-Rektor, Timbalan Timbalan Rektor Uitm Cawangan Negeri
- Pengurusan Kanan Universiti, Ketua-Ketua Jabatan
- Rakan-rakan Media, Para Atlet dan Warga UiTM yang dikasihi sekalian.

**Assalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.**

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat bersama-sama pada majlis perasmian **KARNIVAL SUKAN MAHASISWA (KARISMA) KALI KE-28, TAHUN 2023.**

2. Mewakili seluruh keluarga UiTM, saya mengalu-alukan dan merakamkan setinggi-tingginya penghargaan kepada **Yang Berbahagia Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar**, Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Tinggi, atas kesudian hadir pada majlis gilang-gemilang ini dan seterusnya merasmikan KARISMA 2023.

3. Pada kesempatan ini juga, saya mengucapkan terima kasih dan Syabas kepada Jawatankuasa Induk dan Pengelola

yang begitu komited dalam memastikan KARISMA ke-28 ini dapat dianjurkan dengan sebaik mungkin. Tahniah UiTM Cawangan Pulau Pinang, selaku tuan rumah KARISMA 2023 yang dipimpin oleh Rektornya, Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Razali dan pasukannya.

4. Tidak lupa juga kepada Bahagian Hal Ehwal Pelajar melalui Pusat dan Unit Sukannya yang diterajui oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UiTM, Yang Berbahagia Profesor Dr. Haji Mohd Sazili Shahibi dan seluruh warga HEP.

Para hadirin yang saya hormati,

5. Sejarah panjang penganjuran KARISMA ini telah bermula sejak tahun 1990. Ddahulunya, ia dikenali sebagai Sukan

Pelajar Institut Teknologi MARA atau SUPER INTEKMA yang telah melalui pelbagai fasa penganjuran.

6. Sudah pastinya, UiTM sentiasa komited dalam melahirkan mahasiswa sihat, berketrampilan dan berani menyahut cabaran sehingga masih meneruskan karnival sukan ini, yang dilihat mampu menggilap bakat-bakat baharu dalam kalangan mahasiswa UiTM melalui pelbagai bidang sukan dan seterusnya menggalas harapan untuk dibawa ke tahap yang lebih tinggi.

7. Seperti yang semua sedia maklum, sukan adalah platform terbaik untuk kita membentuk perpaduan. Uniknya, dua pihak yang saling berjuang merebut kejuaraan akan menjalin tali persahabatan dalam sukan yang disertai. Pihak

lawan di dalam gelanggan, mampu menjadi rakan kita yang paling akrab. Dengan terjalinnya persahabatan dalam semangat kesukanan inilah, bakal menjadi instrumen terbaik ke arah membentuk perpaduan dalam kalangan Keluarga UiTM.

8. Justeru, saya beriltizam untuk meletakkan sasaran yang tinggi dalam pencapaian sukan UiTM. Sebagai Universiti terbesar di negara ini, imej UiTM dalam bidang sukan juga merupakan maruah yang perlu dipelihara. Kejayaan UiTM yang sekali lagi dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan Karnival Sukan MASUM 2023 yang lalu, telah mencerminkan universiti ini mempunyai kelas tersendiri dalam bidang sukan. Kejayaan menggondol 36 pingat emas, 27 perak dan 29 gangsa pada kejuaraan tersebut seharusnya kita banggakan.

9. Besarlah harapan saya pada kejohanan KARISMA 2023 ini, munculnya permata yang mampu kita gilap untuk berjuang di pentas yang lebih besar. Tidak mustahil juga, pada suatu hari nanti, atlet-atlet yang ada di hadapan saya ini bukan sahaja mampu membawa nama UiTM, malah nama negara ke persada antarabangsa.

Hadirin sekalian,

10. UiTM amat komited dalam membentuk graduan yang *versatile*, dinamik dan punya semangat juang yang tinggi. Kualiti inilah yang membezakan graduan UiTM. Oleh itu, pihak pengurusan UiTM akan sentiasa menyokong dan program-program selain akademik untuk membentuk jati diri yang unggul.

11. Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Seri Abdul Razak Bin Jaafar, dan seluruh warga Kementerian Pendidikan Tinggi atas segala sokongan yang diberikan kepada UiTM selama ini.

12. Tahniah juga buat semua atlet yang bakal bertanding dalam kategori sukan masing-masing. Saya ucapkan selamat berjuang dan tonjolkan semangat kesukanan yang tinggi sejajar dengan jati diri kita sebagai sebuah Keluarga UiTM yang hebat.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.